

06/12/1997

CTRM bekal komponen Lotus

ul Halim Yusof; Wan Hazmir Bakar

LANGKAWI, Jumaat - Composites Technology Research Malaysia Sdn Bhd (CTRM), syarikat aeroangkasa menandatangani perjanjian pembelian dengan Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) untuk membekalkan komponen dan bahagian komposit bagi projek kereta Lotus Elise keluaran Proton.

Ketua Eksekutif CTRM, Tan Sri Chen Lip Keong, berkata perjanjian itu sekali gus mengukuhkan kedudukan CTRM dalam industri komposit dengan mempelbagaikan aktiviti kepada pengeluaran komponen automotif selain pesawat ringan.

CTRM adalah syarikat aeroangkasa yang terbabit dalam pengeluaran pesawat ringan dua tempat duduk Eagle 150 untuk pasaran tempatan dan eksport.

Chen berkata, melalui perjanjian itu CTRM akan memasuki kontrak pembekalan pengeluaran bahagian badan komposit untuk kereta Lotus Elise yang akan dikeluarkan di banda raya komposit CTRM di Batu Berendam, Melaka.

"Kini bahagian dan komponen komposit Lotus Elise dikeluarkan dan diimport dari United Kingdom.

"Pengeluaran komponen dan bahagian komposit untuk kereta sport itu dijangka dapat dimulakan pada awal tahun depan," katanya selepas menandatangani perjanjian itu di Dewan Pameran Antarabangsa Mahsuri tempat berlangsungnya Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima '97) bahagian aeroangkasa di sini.

Perjanjian itu adalah antara enam perjanjian yang disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di hari keempat Lima '97 hari ini.

Chen mewakili CTRM manakala Proton diwakili Pengerusi Eksekutif Kumpulan DRB Hicom, Datuk Salleh Sulong.

Mengenai perjanjian dengan Proton itu, Chen berkata, komponen komposit akan menyumbang kepada peningkatan komponen tempatan digunakan dalam Lotus Elise.

"Untuk peringkat awal komponen komposit akan menyumbang 19 peratus kepada program penggunaan komponen tempatan menghasilkan kereta itu dan diunjurkan ia akan meningkat kepada 30 peratus menjelang pertengahan 1998," katanya.

Katanya, Proton dijangka mengeluarkan 2,500 kereta Elise setahun yang mana 90 peratus daripadanya adalah untuk pasaran eksport.

Lotus Elise kereta Lotus pertama yang dihasilkan di luar United Kingdom iaitu di Shah Alam juga adalah versi pertama berhawa dingin.

Lotus Elise akan diedarkan oleh anak syarikat Proton terbaru, Lotus Cars Asia Pasific Sdn Bhd yang akan mengedarkan kenderaan itu ke pelbagai negara di rantau Asia Pasifik, Afrika Selatan dan Asia Barat.

(END)